

01 MAR 2001

Effendi-Sawit

BERITA GEMBIRA UNTUK PEKEBUN KECIL SAWIT SELEPAS AIDILADHA

PETALING JAYA, 1 Mac (Bernama) -- Pekebun kecil kelapa sawit yang kini menghadapi masalah kerana pendapatan mereka berkurang akibat kejatuhan harga komoditi itu di pasaran dunia dijangka menerima berita gembira selepas Aidiladha ini, kata Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan beberapa skim baru kepada mereka semasa lawatan ke sebuah kawasan di Pahang.

"InsyaAllah selepas Hari Raya Haji ini Timbalan Perdana Menteri akan membuat pengumuman, langkah-langkah baru untuk membantu pekebun-pekebun kecil sawit," katanya kepada pemberita selepas melawat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di sini, petang ini.

Langkah-langkah baru itu diputuskan oleh jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Abdullah bagi menangani masalah kejatuhan harga sawit.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh empat Kementerian iaitu Pertanian, Pembangunan Luar Bandar, Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Perusahaan Utama.

"Keempat-empat Kementerian ini telah mengadakan perjumpaan berkali-kali, dengan pegawai-pegawai kami telah banyak kali berjumpa dalam dua tiga minggu ini untuk mencari penyelesaian," katanya.

Effendi berkata, masalah pekebun kecil sawit itu mendapat perhatian serius kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah.

Beliau menjangka para pekebun kecil terbabit akan menerima baik skim-skim baru itu kerana ia boleh membantu mereka.

-- BERNAMA

AFY AZZ PR